

31 JUL 1999

Samy Vellu-MIC

SAMY VELLU SERU MASYARAKAT INDIA UBAH IMEJ BURUH

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini menggesa rakyat keturunan India mengikis imej buruh yang menghantui mereka sejak lebih seabad ini, sebaliknya menghayati imej baru pada abad siber akan datang yang penuh mencabar.

Beliau berkata negara dan masyarakat India sedang melangkah ke abad akan datang yang lebih mencabar dengan daya saing merupakan pra-syarat untuk terus maju.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata walaupun penyertaan masyarakat India dalam bidang perniagaan dan profesional tidak boleh dinafikan, tetapi imej yang sentiasa dikaitkan dengan mereka adalah berkisar kepada kelas buruh.

"Saya berharap anda sebagai pemimpin-pemimpin MIC akan berusaha gigih mengubah imej masyarakat India. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mengubah imej ini kepada masyarakat mahir yang mampu menghadapi cabaran alaf baru," katanya pada ucapan dasar di Perhimpunan Agung MIC ke-53 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan persidangan dua hari yang dihadiri 1,500 anggota perwakilan serta lebih 5,000 pemerhati - perhimpunan terbesar dalam sejarah parti itu yang ditubuhkan pada 1946.

Samy Vellu berkata beberapa faktor menjadi asas kepada imej buruh ini, antaranya keadaan ekonomi, persekitaran sosial, peluang pendidikan dan kemudahan asas yang tidak sempurna.

"Bagaimanapun dalam dua dekad yang lalu, transformasi minda masyarakat India semakin ketara dan perubahan sikap mula diperlihatkan. Mereka ingin memperjuangkan peluang yang saksama. Mereka sedia menempuh cabaran Wawasan 2020 dengan meninggalkan taraf pendidikan masing-masing," katanya.

Samy Vellu berkata mereka sedar bahawa pendidikan merupakan alat penting yang akan membawa kepada kemajuan pesat ke abad akan datang.

Katanya MIC akan terus memberi perhatian kepada isu kekurangan tempat di universiti awam tempatan dan pelajar India terpaksa mencari peluang di institusi swasta yang kos pendidikannya agak tinggi.

Dalam ucapan lebih 40 minit itu, Samy Vellu yang menerajui MIC sejak 1979, juga menyentuh mengenai nasib pekerja ladang, isu perumahan, isu pembubaran Kumpulan Wang Buruh India Selatan, ekonomi semasa negara dan organisasi parti.

Mengenai tabung itu yang mencetuskan kontroversi baru-baru ini, beliau berkata Lembaga Kumpulan Buruh India Selatan telah gagal melaksanakan tanggungjawabnya malahan tidak mampu menguruskan Rumah Orang Tua di Nibong Tebal di bawah jagaannya.

Samy Vellu berkata beberapa faktor menjadi asas kepada imej buruh ini, antaranya keadaan ekonomi, persekitaran sosial, peluang pendidikan dan kemudahan asas yang tidak sempurna.

"Bagaimanapun dalam dua dekad yang lalu, transformasi minda masyarakat India semakin ketara dan perubahan sikap mula diperlihatkan. Mereka ingin memperjuangkan peluang yang saksama. Mereka sedia menempuh cabaran Wawasan 2020 dengan meninggalkan taraf pendidikan masing-masing," katanya.

Samy Vellu berkata mereka sedar bahawa pendidikan merupakan alat penting yang akan membawa kepada kemajuan pesat ke abad akan datang.

Katanya MIC akan terus memberi perhatian kepada isu kekurangan tempat di universiti awam tempatan dan pelajar India terpaksa mencari peluang di institusi swasta yang kos pendidikannya agak tinggi.

Dalam ucapan lebih 40 minit itu, Samy Vellu yang menerajui MIC sejak 1979, juga menyentuh mengenai nasib pekerja ladang, isu perumahan, isu pembubaran Kumpulan Wang Buruh India Selatan, ekonomi semasa negara dan organisasi parti.

Mengenai tabung itu yang mencetuskan kontroversi baru-baru ini, beliau berkata Lembaga Kumpulan Buruh India Selatan telah gagal melaksanakan tanggungjawabnya malahan tidak mampu menguruskan Rumah Orang Tua di Nibong Tebal di bawah jagaannya.

"Tetapi masyarakat India sememangnya menghargai tujuan dan hasrat murni kerajaan dan jaminan Perdana Menteri bahawa kebajikan serta keperluan masyarakat India tetap terpelihara," katanya.

Mengenai struktur parti, beliau berkata MIC hari ini jauh berbeza daripada apa yang dilihat 20 tahun lepas dan kini mempunyai satu rangkaian berkesan melalui 4,084 cawangan dengan keanggotaan 510,500 orang bagi memenuhi pelbagai aspirasi masyarakat India.

Mengenai isu gaji bulanan bagi pekerja ladang, Samy Vellu berkata kedudukan parti itu bukan hanya berkaitan gaji bulanan tetapi menyemak keseluruhan pakej termasuk struktur gaji bulanan, perumahan, kemudahan asas, kualiti hidup dan peluang pendidikan bagi anak-anak mereka.

"MIC juga merasakan bahawa persoalan gaji bulanan bukan hanya merupakan masalah antara pekerja ladang dan pemilik ladang. Perkara ini memberi pelbagai kesan yang merumitkan. Ia perlu ditangani dari perspektif nasional dengan Wawasan 2020 dalam fikiran." katanya.

Menyentuh kepimpinan Dr Mahathir, Samy Vellu berkata dalam tempoh 18 tahun di bawah kepimpinan beliau yang dinamik, Perdana Menteri telah berjaya menjadikan Malaysia sebuah negara yang bermaruah dan terkemuka serta negara contoh perindustrian yang baru.

"Datuk Seri (Dr Mahathir) sentiasa lebih mengutamakan negara daripada diri sendiri. Rekod pencapaian Datuk Seri tiada tandingannya. Saya ingin memberikan jaminan kepada Datuk Seri bahawa Datuk Seri tidak bersendirian dalam perjuangan untuk membawa pembaharuan kepada negara ini. MIC dan anggotanya sentiasa berdiri teguh di belakang Datuk Seri," katanya.

Samy Vellu juga mengingatkan orang ramai bahawa proses pembangunan negara akan terhenti, jika parti-parti pembangkang yang menurut beliau tidak mempunyai cukup wawasan bagi pembangunan dan prinsip yang bercangah, jika dipilih berkuasa.

"Sejak merdeka, kaum India Malaysia tidak pernah lari daripada memberikan sokongan mereka kepada kerajaan Perikatan yang kini kerajaan Barisan Nasional. Dan saya ingin nyatakan bahawa masyarakat India akan tenggelam atau berenang bersama-sama Datuk Seri," ikrar beliau kepada Dr Mahathir yang juga pengerusi BN.

-- BERNAMA

RV RHM RON